

# Malaysia di tangga ke tujuh kedudukan prestasi ekonomi

**P**RESTASI ekonomi Malaysia diperakui dalam Laporan Tahunan Daya Saing Dunia 2011 (WCY2011) yang dikeluarkan Institut bagi Pembangunan Pengurusan (IMD) yang berpangkalan di Switzerland, dengan kedudukan Prestasi Ekonomi Malaysia meningkat ke tangga ketujuh daripada 59 negara, tahun ini.

Dalam kedudukan bagi prestasi ekonomi yang menilai ekonomi makro, ekonomi domestik dan berasaskan data sebenar, Malaysia mengatasi Taiwan, Sweden, Kanada, Australia, United Kingdom dan Switzerland.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam kenyataannya semalam, berkata Malaysia sudah jauh meninggalkan kedudukannya di tempat ke-12 pada 2007, berdasarkan prestasi ekonominya.

Beliau juga menyambut baik hakikat bahawa kajian IMD terus meletakkan Malaysia dalam kedudukan lima negara berdaya saing terbaik di Asia Pasifik untuk tahun kedua, tempat keenam dalam kategori 20 juta penduduk, dan tempat kedua selepas Taiwan dalam kategori keluaran dalam negara kasar perkapita kurang daripada AS\$20,000.

Malaysia menduduki tempat ke-16 keseluruhan dari segi daya saing antara



*"Setakat ini sejumlah 72 projek sudah dilancarkan dan 41.2 peratus daripadanya kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan"*

**Mustapa Mohamed**  
Menteri Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri

59 ekonomi berbanding kedudukan ke-10 tahun lalu.

Mustapa menegaskan bahawa usaha meningkatkan daya saing negara terus menjadi keutamaan kerajaan.

Bergerak ke hadapan, beliau berkata, kerajaan komited melaksanakan dengan jayanya Model Baru Ekonomi (MEB), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Katanya, MEB, GTP dan ETP sudah menunjukkan keputusan positif dan ini terbukti berdasarkan

pelbagai indeks, dengan komitmen pelaburan setakat ini bernilai RM95 bilion, sekali gus akan mewujudkan hampir 225,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Mustapa berkata, ETP sudah mengenal pasti sejumlah 131 Projek Permulaan (EPP) dengan jumlah pelaburan bernilai RM794.5 bilion sebagai sebahagian daripada inisiatif utama dalam merangsang Pendapatan Negara Kasar kepada RM1.1 trilion dan menjana 3.3 juta pekerjaan.

Beliau berkata, setakat ini sejumlah 72 projek sudah dilancarkan dan 41.2 peratus daripadanya kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan, yang mencerminkan keyakinan sektor swasta terhadap kerajaan.

Beliau berkata, pengujaan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH), Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU), Talent Corporation, Undang-undang Persaingan, pengkorporatan Perbadanan Pembangunan Pelaburan Malaysia dan peranan baharu Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menyemak semula reformasi kawal selia, akan meningkatkan penyampaian sektor awam dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan perniagaan. -BERNAMA

